PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM BAHAN TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS

S. Vijayaletchumy, Noor Aina Dani, Abdul Rashid Daing Melebek & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Malaysia
letchumy@fbmk.upm.edu.my

Abstrak

Falsafah, matlamat, dan objektif sistem pendidikan adalah berteras dan berlandaskan polisi-polisi yang terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 dan Akta Pelajaran 1961. Ordinan Pelajaran 1952 mengesyorkan sekolah-sekolah Cina dan Tamil diberi kemudahan mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di samping memberi peluang mempelajari bahasa ibunda masing-masing. Dasar ini telah membuka peluang kepada kaum bukan bumiputera mempelajari bahasa ibunda tanpa sebarang sekatan. Pembelajaran bahasa ibunda bukan sahaja dipelajari pada peringkat asas, malah sampai ke peringkat universiti. Hasil kajian ini adalah penting khasnya dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Pihak Kementerian Pendidikan, Institut Terjemahan, dan Kementerian Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam menghasilkan bahan penterjemahan yang bermutu.

Kata Kunci: Bahasa Ibunda, Terjemahan, Bahasa Inggeris

Abstract

Malaysian philosophy, purpose and objective of the education system is rooted and based on policies stated in the National Education Policy 1956 and Education Act 1961. Whereas the Education Ordinance 1952 urged all Chinese and Tamil schools to be given equal opportunity to learn English and Malay language together with their mother tongue. This policy has open up opportunity to the non-Bumis to learn their mother tongue without any fixed rules. The learning of mother tongue was not only limited to the basic level, but it continues to the university level. The findings of this research is important especially in the teaching of Malay language as the medium of instruction in the education system. All these three parties the Ministry of Education, Translation Institute and Ministry of Higher Education play important roles in producing the quality translation materials.

Keywords*: Mother tongue, translation and English language*

Latar Belakang

Penterjemahan amat bermanfaat dalam kehidupan kita ekoran pesatnya perkembangan dunia ilmu pengetahuan, teknologi dan pendidikan. Justeru, usaha penterjemahan sering berlaku bagi penyampaian ilmu dan maklumat kepada masyarakat (Ahmad Khair, 2003). Dewasa ini, ramai pensyarah menggunakan bahan terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran. Mungkin juga bukan guru yang harus menentukan bahawa penterjemahan itu berguna dalam pendidikan tetapi terpulanglah kepada para pendidik untuk menentukan kegunaan penterjemahan dalam bidang pengajaran. Walau bagaimanapun, penterjemahan adalah satu bidang yang berkembang pesat sehinggalah

tertubuhnya Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) pada 14 September 1993 di Malaysia. Masyarakat Malaysia terdiri daripada rakyat berbilang kaum yang kebanyakannya dwibahasa ataupun multibahasa. Mereka yang menceburi bidang pendidikan, siaran, dan penerbitan, secara tidak sedar telah dipengaruhi oleh bahasa ibunda semasa penterjemahan. Hal sedemikian menjejaskan ketulenan dan martabat bahasa Melayu.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pengaruh unsur-unsur linguistik bahasa ibunda dalam bahan terjemahan mahasiswa, khasnya dari aspek leksikal, imbuhan, makna kata, frasa dan struktur ayat.

Sorotan Literatur

Noor Aina Dani (2001) telah membuat kajian tentang pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu pelajar-pelajar kaum Dusun Tingkatan 4 yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kundasang, Ranau, Sabah. Kajian dilakukan ke atas sejumlah 109 orang pelajar Tingkatan 4. Dapatan tentang analisis kandungan ke atas karangan pelajar yang dihasilkan dalam proses pembelajaran secara formal menunjukkan bahasa proses pengantian fonem vokal bahasa Melayu dalam aspek leksikal paling banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam aspek ayat, pengaruh tersebut diwakili oleh binaan ayat yang mengalami proses pendepanan kata kerja dan kata hubung. Pengaruh seperti pemindahan bahasa ibunda paling ketara dalam aspek makna kata bahasa Melayu. Pelajar yang kerap menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian mengutamakan strategi melakukan kesalahan bahasa. Manakala bagi pelajar yang jarang menggunakan bahasa Melayu pula lebih mengenali latihan selari. Beliau merumuskan bahawa pemindahan bahasa yang terdapat dalam karangan pelajar kumpulan pencapaian tinggi boleh dikategorikan sebagai perubahan bunyi kata dan kata pinjaman. Kemahiran pertuturan bahasa Melayu murid Dusun masih belum mantap. Sekiranya pengaruh bahasa ibunda meningkat, markat karangan akan menurun.

Awang Sariyan (2000) telah menganalisis pengaruh sintaksis bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu dengan merujuk) khusus kepada laras bahasa ilmiah. Beliau memilih bahasa Melayu ilmiah sebagai bahan penelitian kerana bahan ini merupakan laras bahasa yang rapat digugurkan dengan golongan pendidik dan pelajar. Di samping itu, ahli-ahli ilmiah yang menggunakan laras bahasa ilmiah sebelum lahirnya ahli-ahli ilmiah yang mendapat pendidikan melalui bahasa pengantar bahasa Melayu merupakan golongan yang terdidik melalui bahasa Inggeris. Justeru, konsep-konsep dan wacana ilmiah masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Inggeris, terutamanya melalui bidang terjemahan dan rujukan dalam bahasa Inggeris. Dalam penelitian beliau melalui 10 buah buku yang terdiri daripada buku teks dan buku rujukan peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi, beliau mendapati buku-buku tersebut meliputi buku sains jati dan sains sosial. Sebagai hasil dapatan kajian, ada 15 aspek sintaksis bahasa Inggeris yang mempengaruhi wacana ilmiah dalam buku-

buku tersebut. Berdasarkan dapatan beliau, ada 11 aspek yang paling menonjol, iaitu susunan kata, bentuk jamak, kata bilangan tak tentu, artikel, subjek-predikat, aktif-pasif, struktur pasif 'dipanggil', kopula, keterangan, dan keterangan relatif.

Satu lagi kajian kes tentang pengaruh bahasa ibunda proses pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid kaum India telah ditulis oleh Suthanthiradevi J.N.J. Money (1996). Hasil kajian menunjukkan murid-murid keturunan India memang terdapat berbagai-bagai masalah dalam mempelajari bahasa Melayu. Antara masalah yang timbul dan dapat dikesan secara am ialah murid-murid India menghadapi masalah sebutan huruf 'r' semasa pembelajaran bahasa Melayu. Faktor-faktor lain yang menyebabkan masalah ini timbul termasuk sikap murid-murid dan pendidik, kurang pendedahan terhadap bahasa kedua serta pengaruh bahasa pertama ke atas pembelajaran bahasa kedua.

Kajian tentang pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa ibunda kaum Cina Peranakan di Kelantan telah dikaji oleh Teo Kok Seong (1992). Kajian ini memperlihatkan pengaruh bahasa Melayu dalam bentuk dialek Melayu Kelantan terhadap bahasa ibunda kaum Cina Peranakan, khususnya tentang susunan kata dalam pembinaan frasa. Data ini diambil daripada perbualan penulis yang merupakan penutur asli dialek Hokkien Cina kaum Cina Peranakan dengan rakan-rakan penulis, terutamanya yang agak berumur dirujuk untuk memastikan ketepatan serta kebenaran data.

Metodologi

Penyelidik telah memilih 8 buah universiti yang mempunyai Jabatan Bahasa, antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM, Kelantan), Universiti Teknologi Malaysia (UTM, Skudai) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM). Responden kajian terdiri daripada mahasiswa universiti meliputi kaum Melayu, Cina, dan India. Responden diberikan borang soal selidik dan sebuah artikel bahasa Inggeris untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Dapatan Kajian

Soal selidik dan teks penterjemahan telah diedarkan kepada 150 orang mahasiswa yang mewakili 5 buah univrsiti tempatan (UPM, UM, USM, UTM, dan UPSI). Mahasiswa ini terdiri daripada kaum Melayu, Cina, dan India. Teks terjemahan yang diedarkan mengandungi 351 patah perkataan dan teks ini merupakan sebuah laporan dapatan kajian mengenai masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Data-data mentah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS - *Statistical Package for Social Science*. Dapatan awal analisis secara manual tersebut disenaraikan dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Unsur-Unsur Linguistik Bahasa Ibunda


	Melayu	Cina	India	Jumlah
Leksikal	120 (18.2%)	141 (22.2%)	142 (22.1%)	403
Imbuhan	115 (17.5%)	111 (17.5%)	119 (18.5%)	345
Makna Kata	145 (22.0%)	143 (22.5%)	99 (15.4%)	387
Frasa	145 (22.0%)	98 (15.4%)	153 (24%)	396
Struktur Ayat	133 (22.2%)	143 (22.5%)	130 (20.2%)	406
Jumlah	658	636	643	1937

Kewujudan unsur-unsur linguistik bahasa ibunda dalam kalangan mahasiswa Melayu, Cina dan India, masing-masing adalah sebanyak 658 kali, 636 kali dan 643 kali. Antaranya, unsur-unsur linguistik yang paling kerap muncul dalam bahan terjemahan mahasiswa Melayu ialah aspek makna kata (145 kali) dan frasa (145 kali), manakala aspek yang paling rendah ialah imbuhan, iaitu 115 kali. Ini disebabkan oleh mahasiswa Melayu tidak mempunyai sikap yang objektif terhadap maklumat dalam teks asal. Hal ini sedemikian kerana wujudnya konsep satu-lawan-banyak antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dari segi makna kata. Keupayaan mahasiswa menguasai imbuhan dalam kedua-dua bahasa adalah tinggi. Oleh itu, kesalahan imbuhan yang dilakukan dalam menterjemah adalah rendah.

Bagi mahasiswa Cina, kesalahan aspek makna kata (143 kali) dan struktur ayat (143 kali) adalah paling kerap dilakukan dalam proses penterjemahan. Manakala aspek frasa, hanya 98 kali kesalahan dilakukan dalam penterjemahan. Dalam kesalahan aspek makna kata, konsep yang digunakan oleh mahasiswa Cina adalah banyak-lawan-satu. Hal ini kerana, bahasa sumber mempunyai banyak perkataan berbanding dengan bahasa penerimanya. Pengaruh dalam budaya bahasa juga boleh mempengaruhi penterjemahan kerana budaya bahasa memperlihatkan latar yang pelbagai. Struktur ayat bahasa Cina adalah berbeza dengan struktur ayat bahasa Melayu, iaitu bahasa Cina mendahulukan frasa prediket berbanding dengan frasa subjek. Ini mencetuskan kepincangan dalam membina struktur ayat bagi menghasilkan terjemahan yang berkualiti.

Keadaan ini berlainan pula dengan mahasiswa India, kesalahan banyak dilakukan dalam aspek frasa dan leksikal, masing-masing dengan kesalahan sebanyak 153 kali dan 142 kali. Manakala aspek makna kata adalah sebanyak 99 kali kesalahan yang dilakukan. Mahasiswa India menggunakan bahasa ibunda mereka dalam pertuturan seharian. Keadaan ini menyebabkan berlakunya persamaan banyak-lawan-banyak antara bahasa Tamil dengan

bahasa Melayu. Maka wujud kekaburan leksikal dan makna kata dalam sesuatu frasa. Pengaruh persamaan makna kata dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu membolehkan mahasiswa India menggunakan aspek makna kata dalam konteks yang tepat.



Carta 1: Pengaruh Unsur-Unsur Linguistik Bahasa Ibunda Mahasiswa dalam Bahan Terjemahan.

Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Bahan Terjemahan

(i) Mahasiswa Melayu

Aspek makna kata dan frasa merupakan unsur linguistik yang paling banyak menerima pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan mahasiswa Melayu. Pengaruh tersebut sangat jelas dalam bahan terjemahan bahasa Inggeris.

Jadual 2: Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Bahan Terjemahan Mahasiswa Melayu

ASPEK LINGUISTIK	CARA MENANDA	KOMEN
i. Aspek Makna Kata		
	10.26 sajian *10.26 makanan*	menggantikan perkataan *meals* dengan perkataan yang kurang gramatis
	sepanjang kajian *sepanjang pembelajaran*	menggantikan perkataan kurang gramatis
	dalam satu kajian jangka panjang nasional *pembelajaran jangka masa panjang di peringkat kebangsaan*	kekeliruan semasa mentafsir makna teks sumber
	meluangkan lebih masa makan malam bersama keluarga *meluangkan lebih masa bersama keluarga di meja hidangan*	penterjemahkan makna perkataan *spending more time around the family dinner table* tidak gramatis
	tahap tiga (sekolah menengah) *darjah tiga*	menggantikan perkataan *third grade* dengan darjah tiga adalah kurang gramatis
	kajian *belajar*	makna perkataan *study* dalam teks menunjukkan kajian
ii. Aspek Frasa		
• frasa kerja	mengelakkan kanak-kanak menjadi gemuk *melindungi kanak-kanak dari menjadi gemuk*	KSN *dari* menunjukkan tempat, arah, waktu atau masa
• frasa nama	8,000 orang kanak-kanak 8000 kanak-kanak	kata bilangan berpasang dengan penjodoh bilangan untuk menjadi sejenis penerangan kepada KN yang mengikutinya (bilangan+penerangan bilangan+inti)
• frasa nama	berat berlebihan *lebih berat badan*	FN + FA
• frasa nama	Dr. Sara Gable dan	inti + penerangan frasa

	rakan-rakan sekolejnya dari Univerity of Missouri, Columbia *Dr Sara Gable dari Univerity of Missoury, Columbia dan rakan-rakan sekolejnya*	sendi nama
• frasa nama	ialah golongan *adalah golongan*	penggunaan kata pemeri ialah hadir di hadapan frasa nama (FN)
• frasa nama	Kumpulan kedua ialah kanak-kanak yang… *Kumpulan kedua ialah yang…*	penggunaan kata pemeri ialah hadir di hadapan frasa nama (FN)
• frasa sendi nama	…memainkan peranan dalam penjagaan status berat kanak-kanak. *…memainkan peranan dalam status berat kanak-kanak.*	*dalam* sebagai kata sendi nama (KSN) hadir di hadapan kata nama (KN) atau FN yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
• frasa kerja	mengehadkan masa *menetapkan had jam*	tidak gramatis

(ii) Mahasiswa Cina

Aspek makna kata dan struktur ayat merupakan unsur linguistik yang paling banyak menerima pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan mahasiswa Cina. Pengaruh tersebut sangat jelas dalam bahan terjemahan bahasa Inggeris. Pengaruh tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3: Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Bahan Terjemahan Mahasiswa Cina

ASPEK LINGUISTIK	CARA MENANDA	KOMEN
i. Aspek Makna Kata		
	10.26 sajian *makan 10.26 kali*	menggantikan perkataan *meals* dengan perkataan yang kurang gramatis
	10.26 sajian *makan 10.26 hidangan*	menggantikan perkataan *meals* dengan perkataan yang kurang tepat maknanya
	10.26 sajian *10.26 makanan*	menggantikan perkataan *meals* dengan perkataan yang kurang tepat

		maknanya
	meja hidangan *makan makanan malam*	penterjemahan makna *dinner table* kurang gramatis
	dalam satu kajian jangka panjang nasional *mengikuti bangsa*	kekeliruan semasa mentafsir makna teks sumber
	dalam satu kajian jangka panjang nasional *dari seluruh dunia*	makna terjemahan kurang tepat

	satu kajian jangka panjang nasional *merupakan peserta kebangsaan dalam kajian penyelidikan jangka panjang*	kekeliruan semasa mentafsir makna teks sumber
	bertambah berat *peningkatan berat badan melebihi satu kilo*	makna terjemahan *to put on excess kilos* kurang tepat
	Pengurangan sajian mingguan bersama keluarga *tidak makan*	makna terjemahan kurang tepat
	tinggal di kawasan kejiranan yang dianggap kurang selamat… *perasaan kurang selamat…*	pengurangan terjemahan
	setiap ahli keluarga… *semua keluarga…*	makna terjemahan *whole family's* kurang tepat

ii. Aspek Struktur Ayat

a. Ayat yang mengalami partikel penegas *'-lah'*

1. Kanak-kanak boleh mencegah daripada menjadi gemuk dengan meluangkan lebih masa bersama keluaga pada waktu makan dan kurangkan masa menonton televisyen, inilah dapatan kajian baru.

(ayat dapat dilembutkan dengan menambahkan partikel *–lah,* pengaruh kaum Cina bermaksud memberi penekanan)

b. Ayat yang menggunakan *adalah* sebagai kata hubung

1. Walaupun bagi perkara yang mudah seperti sekeluarga makan bersama dan jumlah masa kanak-kanak menonton televisyen adalah memainkan peranan yang penting dalam penentuan tahap berat badan mereka.

c. Ayat yang menggunakan kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu.

1. Semua ahli keluarga harus melibatkan diri untuk menerapkan tabiat sihat terhadap kanak-kanak, hal ini kerana kanak-kanak tidak akan membelajari semua ini dengan diri sendiri.
2. Semua keluarga harus mendidik anak mereka tentang sikap mengamalkan kesihatan kerana budak-budak tidak akan belajarnya dengan sendiri.

d. Ayat berbentuk cakap pindah menggunakan kata kerja *kata.*
1. Gable mengatakan bahawa keluarga perlu bekerjasama untuk membantu kanak-kanak menjaga berat badan supaya menjadi sihat.
2. Gable berkata bahawa ahli keluarga memainkan peranan yang penting dari segi keadaan berat badan budak.

e. Ayat yang menggunakan *juga akan* sebagai kata hubung
1. Faktor ini juga akan membawa risiko berat berlebihan.
2. Kekerapan makan bersama ahli keluarga yang rendah juga akan menyebabkan kanak-kanak menjadi lebih berat dari sebenarnya.
3. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa jika sebuah keluarga mengurangkan masa makan dalam setiap minggu, ini akan menyebabkan peningkatan berat badan kanak-kanak sebanyak 8%.
4. Selain itu, perasaan kurang selamat juga akan menyebabkan badan lebihan berat.

(iii) Mahasiswa India

Dalam bahan terjemahan mahasiswa India turut menerima pengaruh bahasa ibunda dalam aspek frasa. Terdapat empat jenis frasa yang menerima pengaruh adalah seperti berikut:

Jadual 4: Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Bahan Terjemahan Mahasiswa India

ASPEK LINGUISTIK	CARA MENANDA	KOMEN
i. Aspek Frasa		
• frasa kerja	meluangkan lebih masa *banyak menghasilkan masa*	tidak gramatis
• frasa sendi nama	kepada ibu bapa *pada ibubapa*	KSN *kepada* terletak di hadapan KN atau FN untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia.
• frasa sendi nama	dari umur 4 tahun hingga ke umur 9 tahun *berumur 4 tahun ke 9*	KSN *ke* sering berpadanan dengan sendi nama *dari* untuk

	tahun	membawa maksud waktu.
• frasa sendi nama	di mana *dimana*	KSN *di* digunakan khusus di hadapan KN atau FN yang menunjukkan tempat, KSN ini ditulis terpisah daripada KN atau FN yang mengikutinya.
• frasa sendi nama	dalam kalangan *di kalangan*	*dalam* sebagai kata sendi nama (KSN) hadir di hadapan kata nama (KN) atau FN yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
• frasa sendi nama	di penghujung *dipenghujung*	KSN *di* digunakan khusus di hadapan KN atau FN yang menunjukkan tempat, KSN ini ditulis terpisah daripada KN atau FN yang mengikutinya.
• frasa sendi nama	pada permulaan kajian *dipermulaan kajian*	KSN *pada* digunakan di hadapan KN atau FN untuk menunjukkan keterangan waktu atau tempat

Analisis Pengaruh Bahasa Ibunda dari Segi Ekstralingustik

Bahagian II dan III dalam soal selidik membantu penyelidik meninjau pengaruh bahasa ibunda dalam bahan terjemahan dari segi ekstralinguistik. Data-data yang dikumpul dikaji dengan menggunakan analisis perkaitan (korelasi). Jadual 5 menunjukkan korelasi positif yang tinggi (signifikan) di antara pembelajaran bahasa ibunda dengan penggunaan serta pendedahan bahasa ibunda. Ini bermakna bahawa tahap pencapaian akademik bahasa ibunda yang tinggi mendorong para mahasiswa menggunakan bahasa ibunda dalam pertuturan, pembacaan, penulisan serta pergaulan harian. Sebaliknya, mereka yang berpendidikan rendah dalam bahasa ibunda didapati lebih mengaplikasikan bahasa Inggeris dalam aktiviti harian (korelasi negatif antara bahasa ibunda-Inggeris).

Jadual 5: Korelasi antara Bahasa Ibunda – Inggeris

	BB	GB	DB	GI	DI
PEMBELAJARAN IBUNDA-BB	-				
PENGGUNAAN IBUNDA-GB	0.92 ***	-			
	(0.00)				
PENDEDAHAN IBUNDA-DB	0.90 ***	0.84 ***	-		
	(0.00)	(0.00)			
PENGGUNAAN INGGERIS-GI	-0.54 *	-0.52 *	-0.40	-	
	(0.07)	(0.08)	(0.14)		
PENDEDAHAN INGGERIS-DI	-0.43	-0.44	-0.52 *	0.82 ***	-
	(0.13)	(0.12)	(0.08)	(0.00)	

Nota: Nilai kebarangkalian dilaporkan dalam kurungan. Simbol *, **, *** mewakili kesignifikan ujian korelasi pada aras keertian 10%, 5% dan 1% masing-masing.

Selanjutnya, penyelidik mendapati hubungan positif yang kukuh (korelasi positif yang signifikan) hanya wujud antara pengaruh bahasa ibunda dengan unsur-unsur linguistik tertentu sahaja, iaitu makna kata dan struktur ayat, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Manakala untuk aspek-aspek imbuhan, frasa dan leksikal, pengaruh bahasa ibunda adalah kurang ketara. Selain itu, penggunaan dan pendedahan bahasa Inggeris yang lebih kerap pula diiringi dengan pengurangan unsur-unsur linguistik dalam bahan terjemahan bahasa Inggeris (korelasi negatif).

Jadual 6: Korelasi antara Pengaruh Bahasa Ibunda dan Kekerapan Unsur Linguistik dalam Bahan Terjemahan Bahasa Inggeris

	MAKNA	STRUKTUR	KESELURUHAN
Pembelajaran Bahasa Ibunda	0.83 ***	0.46	0.32
	(0.00) ***	(0.11)	(0.20)
Penggunaan Bahasa Ibunda	0.67 **	0.48	0.25
	(0.02)	(0.10)	(0.26)
Pendedahan Bahasa Ibunda	0.61 **	0.57 *	0.19
	(0.04)	(0.06)	(0.31)
Penggunaan Bahasa	-0.63 **	-0.65 **	-0.73 ***

Inggeris			
	(0.03)	(0.03)	(0.01)
Pendedahan Bahasa Inggeris	-0.38	-0.78 ***	-0.66 ***
	(0.15)	(0.01)	(0.03)

Nota: Nilai kebarangkalian dilaporkan dalam kurungan. Simbol *, **, *** mewakili kesignifikan ujian korelasi pada aras keertian 10%, 5% dan 1% masing-masing.

Melalui bahan terjemahan daripada sampel kajian, iaitu sebanyak 50 mahasiswa Melayu, didapati kekerapan unsur-unsur linguistik pengaruh bahasa ibunda dalam bahan terjemahan mahasiswa Melayu ialah aspek makna kata dan frasa. Bagi mahasiswa Cina pula, aspek makna kata dan struktur ayat adalah paling kerap wujud dalam bahan terjemahan. Unsur-unsur linguistik yang paling menonjol dalam kalangan mahasiswa India ialah aspek leksikal.

Dapatan kajian menunjukkan analisis linguistik kontratif adalah teknik untuk membandingkan struktur bahasa ibunda dan struktur bahasa kedua untuk menemui daerah persamaan dan perbezaannya. Daerah perbezaan dalam linguistik merupakan satu masalah pembelajaran yang lebih besar jika dibanding dengan daerah persamaan (Forster, 1965). Aspek linguistik boleh dianggap sama dalam bahasa ibunda dengan bahasa kedua. Jadi, seseorang akan mudah menguasai bahasa tersebut. Aspek linguistik mungkin tidak wujud dalam bahasa ibunda. Aspek linguistik mempunyai persamaan dan juga perbezaan.

Selanjutnya, penyelidik mendapati hubungan positif yang kukuh (korelasi positif yang signifikan) hanya wujud antara pengaruh bahasa ibunda dengan unsur-unsur linguistik tertentu sahaja, iaitu makna kata dan struktur ayat. Manakala untuk aspek-aspek imbuhan, frasa dan leksikal, pengaruh bahasa ibunda adalah kurang ketara. Selain itu, penggunaan dan pendedahan bahasa Inggeris yang lebih kerap pula diiringi dengan pengurangan unsur-unsur linguistik dalam bahan terjemahan bahasa Inggeris (korelasi negatif).

Menerusi pemerhatian penyelidik, dapat disimpulkan bahawa kekerapan persamaan nahu dan struktur bahasa juga dikesan melalui bahan terjemahan. Jelas kelihatan, persamaan memang wujud dalam bahan terjemahan bagi lingkungan sampel yang sama etnik. Faktor ini sangat bergantung kepada sejauh mana penterjemah memahami pemikiran ataupun perasaan pengarang karya asli sewaktu menuliskan karyanya. Mahasiswa Melayu lebih kerap menggunakan kata terbitan dan ayat pasif dalam bahan terjemahan. Jadi, makna ayat adalah lebih ‘berat’ ditafsirkan jika dibanding dengan ayat aktif. Menerusi bahan terjemahan mahasiswa Cina pula, sungguhpun terjemahan nahu dan struktur mahasiswa Cina tidak menyalahi nahu bahasa Melayu, akan tetapi binaan ayat adalah terlalu panjang dan nahunya berbelit-belit. Sebaliknya, maklumat bahan terjemahan mahasiswa India adalah mudah difahami kerana mempunyai kaitan yang jelas dengan ayat yang mendahului serta ayat yang mengikutinya. Ayat-

ayat yang menggunakan penanda wacana menyebabkan huraian beralih daripada satu bahagian kepada satu bahagian lain menjadi lebih jelas.

RUJUKAN

Ahmad Khair Mohd. Nor, 2003. "Menguasai Budaya dalam Penterjemahan" dalam *Pelita Bahasa* (September). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan, 2000. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh, B.B., 1981. *Pengajaran Bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Lutfi Abas, 1975. *Tatabahasa Perbandingan Bahasa-bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan Inggeris: Predikat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Hilmi Hj. Ismail, 1982. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salina Haroon, 2003. "Penterjemahan dalam Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi" dalam *Pelita Bahasa* (September). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.